



PENANG
2030



NEGERI PINTAR DAN HIJAU BERTERASKAN
KELUARGA INSPIRASI NEGARA

PRAKATA OLEH YAB KETUA MENTERI



Saya menaruh harapan yang tinggi terhadap Penang2030, iaitu suatu visi dan pendekatan yang terhasil melalui perundingan dengan pihak yang berkepentingan pada setiap peringkat. Penang2030 ialah suatu visi yang mendorong penduduk untuk turut serta dalam penggubalan dasar dan menggalas tanggungjawab dalam menentukan masa depan mereka sendiri. Usaha untuk melibatkan penduduk dan menarik minat penduduk dalam penggubalan dasar bertujuan untuk menggalakkan mereka agar bersikap proaktif dan membolehkan mereka mengawal hidup mereka dengan lebih baik. Tugas kerajaan adalah untuk memberikan nasihat, merangsang, memudahkan penglibatan rakyat, dan membimbing mereka ke arah kebaikan bersama.

Pentadbiran saya dengan kerjasama Institut Penang, Think City, dan penasihat lain ingin menyampaikan Panduan Penang2030 kepada orang ramai. Penang2030 ialah suatu dokumen yang akan terus berkembang bagi menyatakan hala tuju pentadbiran saya kepada orang ramai dan janji saya bahawa tiada sesiapa pun yang akan ketinggalan ketika Pulau Pinang bergerak menuju ke tahap yang lebih tinggi. Panduan ini juga bertujuan untuk memberikan inspirasi kepada seluruh negara melalui kesediaan kita untuk berkolaborasi dengan pihak yang berkepentingan demi kebaikan negeri dan Negara.

Penang2030 merupakan salah satu jemputan saya kepada semua orang yang prihatin dengan kesejahteraan Pulau Pinang untuk bekerjasama antara satu sama lain, termasuklah dengan pelbagai sektor kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang lebih dicemburui.

Cita-cita yang saya nyatakan ini sudah memadai untuk menjadikan Penang2030 unik. Meskipun terdapat banyak projek yang sudah dirancang oleh kerajaan untuk dilaksanakan pada tahun-tahun akan datang, namun Penang2030 bukanlah sekadar suatu rangka tindakan yang dipenuhi oleh projek-projek tersebut. Sebaliknya, Penang2030 membuka pintu untuk sektor swasta, masyarakat awam, para akademik dan individu, untuk turut serta dalam perbincangan dengan pihak kerajaan dalam merumuskan projek yang bersesuaian dengan keadaan khas Pulau Pinang.



Bahasa yang digunakan dalam panduan ini iaitu jemputan saya kepada anda, mungkin bersifat teknikal dalam beberapa cara, tetapi kami telah berusaha untuk menggunakan istilah yang bermakna bagi memudahkan orang awam yang prihatin terhadap masyarakat, rakan-rakan, dan masa depan kita bersama.

Saya telah menyediakan satu saluran yang dapat digunakan oleh penduduk Pulau Pinang untuk menyatakan pandangan mereka, dan cara ini akan membantu kerajaan negeri dan agensinya untuk mendapatkan maklumat tentang perkara yang perlu dilakukan mereka dalam dekad yang akan datang.



Ikhlās daripada,
CHOW KON YEOW

02	Prakata oleh YAB Ketua Menteri
04	Penang2030: Pendemokrasian Penggubalan Dasar
06	Strategi Menyeluruh
08	Gambaran Impian
10	Tema A: Meningkatkan Daya Huni bagi Menambah Baik Kualiti Kehidupan
20	Tema B: Menaik Taraf Ekonomi bagi Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah
30	Tema C: Memperkasa Rakyat bagi Meningkatkan Penyertaan Awam
40	Tema D: Melabur dalam Persekitaran Terbina bagi Menambah Baik Daya Pemulihan
50	Projek-projek Asas - Tema A: Penghubung Hijau dan Bandar Span
52	Projek-projek Asas - Tema B: Pemajuan SME
54	Projek-projek Asas - Tema C: Indeks Kebahagiaan di Pulau Pinang (HIP)
56	Projek-projek Asas - Tema D: Pulau Pinang Digital
58	Epilog

PENANG2030: PENDEMOKRASIAN PENGUBALAN DASAR

Era baharu telah bermula bagi Malaysia pada 9 Mei 2018 ketika perubahan pemerintahan pada peringkat persekutuan berlaku untuk kali pertamanya dalam sejarah negara. Perkara ini mengejutkan kedua-dua pihak yang menang dan juga yang kalah. Pihak yang kalah harus berundur, menarik nafas panjang dan menyusun semula strategi untuk menempuh medan baharu yang asing manakala yang menang pula mendapati diri mereka dalam situasi asing. Meskipun perkara ini berlaku hasil usaha mereka, namun mereka juga belum bersedia untuk menghadapi keadaan tersebut sepenuhnya.

Bagi rakyat Malaysia amnya, harapan dan keraguan tentunya silih berganti dalam hati dan fikiran mereka. Bagi penduduk Pulau Pinang, usaha untuk menuju permulaan baharu ini merupakan sesuatu yang mengejutkan selepas kerajaan negeri telah bertukar pada tahun 2008. Penentangan terhadap kerajaan persekutuan selama sepuluh tahun penuh dengan kesukaran, selain usaha untuk memupuk keyakinan masyarakat melalui kaedah alternatif gaya pemerintahan yang diingati iaitu melalui slogan KAT - Kecekapan, Akauntabiliti dan Ketelusan. Demi menjamin kepentingan pembinaan negara masa hadapan, beberapa inisiatif telah diambil selama sedekad dan antaranya ialah pemberian biasiswa negeri, pengembangan pendidikan STEM di Pulau Pinang dan penubuhan organisasi untuk membantu syarikat-syarikat memulakan langkah di samping beberapa dasar jangka panjang yang lain. Inisiatif "Hijau" juga dilaksanakan dan telah memberikan kesan yang mengagumkan, contohnya, larangan penggunaan beg plastik di kedai runcit.

Inisiatif-inisiatif ini membuka jalan bagi Pulau Pinang untuk memikul peranan utama dalam pembangunan negara pasca PRU 14. Penang2030 mencerminkan pemahaman kerajaan negeri baharu bahawa kandungan dasar terkini haruslah melengkapkan perkara yang telah berlaku sebelum ini - iaitu menjadi negeri yang berpusatkan penduduk dan bukannya hanya memfokuskan aspek pembangunan dan menjadi sebuah pemerintahan yang boleh dipercayai bukannya yang diragui.

Memandangkan halangan untuk bekerjasama antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri sudah menurun secara drastik, fokus pentadbiran negeri Pulau Pinang sebagai pembela nilai demokratik dan inklusiviti pelbagai budaya yang telah sekian lama menjadi strategi utama di Pulau Pinang harus bergerak ke arah pemupukan corak pemikiran dan tingkah laku demokratik. Secara konkritnya, aktiviti politik mestilah memberikan jalan kepada amalan teknokratik dan inisiatif untuk berkembang dan mestilah mementingkan keseimbangan yang lebih sihat antara negeri dengan masyarakat; sektor awam dengan sektor swasta; serta matlamat jangka pendek dan jangka panjang - untuk Pulau Pinang dan Malaysia.



Demokrasi ialah suatu perkara yang harus dinikmati setiap hari sebagai pemeraksanaan individu, dan sebagai amalan kebebasan peribadi. Pemainnya bukan hanya parti politik dan ahli politik, malahan melibatkan semua rakyat amnya. Ruang awam haruslah diluaskan untuk menjadikan demokrasi sebagai suatu cara hidup yang bukan sekadar melalui kebebasan bersuara, pendidikan yang progresif dan saintifik, media massa yang cekap dan bertanggungjawab, serta ketelusan dan kebolehjangkaan kedaulatan undang-undang, malahan mewujudkan pengalaman budaya yang mengembirakan bagi semua rakyat jelata.

Penang2030 mempertimbangkan cabaran aspek sosiologi, politik, ekonomi dan budaya yang dihadapi khususnya oleh penduduk Pulau Pinang dan rakyat Malaysia amnya. Panduan ini bertujuan untuk menjadi inklusif di satu pihak, dan terbuka di pihak lain; panduan ini juga merupakan platform bagi penduduk yang prihatin untuk merealisasikan cita-cita dan idea mereka sendiri – dengan menganggap sektor awam sebagai rakan mereka dan bukannya musuh.



NEGERI PINTAR DAN HIJAU BERTERASKAN
KELUARGA INSPIRASI NEGARA



GAMBARAN IMPIAN

Hasil pentadbiran yang cekap telah dinikmati oleh negeri ini pada satu dekad yang lalu. Pulau Pinang kini berada pada posisi yang baik untuk bergerak maju dengan cepat dalam persekitaran baharu yang wujud hasil pertukaran pemerintahan pada peringkat persekutuan pada bulan Mei 2018 lalu. Pulau Pinang akan terus bergerak maju ke hadapan.

Kami akan menggerakkan Pulau Pinang dengan memanfaatkan kedinamikan daya pembaharuan, dan semangat penduduk Pulau Pinang. Kerajaan negeri Pulau Pinang akan membawa Pulau Pinang ke tahap yang baharu dengan keupayaan perundingan, sedia membantu, dan interaktif.

Penetapan cara dan hala tuju untuk menempuh dekad akan datang ialah suatu pendekatan dan bukan sekadar pelan tindakan bagi penggubalan dasar yang disebut "Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berfokuskan Keluarga Menginspirasi Negara".

Setiap istilah yang terdapat dalam frasa itu adalah amat penting.

- (1) Pertama, dasar kami akan berfokuskan **KELUARGA**. Perkara ini bermaksud, selain menjadikan penduduk sebagai fokus utama, kami juga sedar bahawa keluarga memainkan peranan yang penting dalam apa juga perkara yang kita lakukan. Dengan mengambil kira seseorang itu sebagai sebahagian daripada keluarga serta menjana pengetahuan yang melihat keluarga sebagai unit asas sesebuah komuniti, hal ini akan dapat menghasilkan perkembangan sistem sokongan bagi mereka yang memerlukan. Sokongan ini akan berkekalan dan berkesan. Kami mengambil berat isu gender, agama dan pendidikan.
- (2) Kedua, istilah **HIJAU** menunjukkan kesedaran kerajaan bahawa sebenarnya tidak ada alternatif untuk pembangunan yang seimbang. Ekonomi perlu berkembang untuk menghadapi cabaran baru yang dibawa oleh Industri 4.0 dan keadaan lain, tetapi pengurusan terhadap perubahan ini juga harus melindungi dan memperbaiki aset semula jadi dan budaya yang kita miliki. Keseimbangan yang terjaga antara pertumbuhan ekonomi dengan perlindungan ekologi dapat mengangkat status Pulau Pinang sebagai negeri model dan status tersebut haruslah dikekalkan.
- (3) Ketiga, kita harus menjadi **PINTAR**. Kita harus melabur dengan bijak dan berkesan dalam dunia digital baharu yang wujud pada era ini. Semua pakar kami bersetuju bahawa pengurusan revolusi digital yang betul di negeri ini ialah kunci kemajuan masa depan.
- (4) Keempat, penggubalan dasar kita mempertimbangkan negeri Pulau Pinang sebagai satu unit yang menyeluruh. Tiada bahagian Pulau Pinang yang akan ketinggalan. Pulau Pinang dan Seberang Perai sebagai **NEGERI PINTAR** ialah sesuatu yang ingin kita wujudkan dalam dekad berikutnya. Selat Pulau Pinang sepatutnya menggabungkan kedua-dua bahagian tersebut dan bukanlah sebaliknya.
- (5) Akhirnya, Penang2030 bertujuan untuk **MEMBERIKAN INSPIRASI**. Kerajaan yang memberikan inspirasi kepada rakyatnya membolehkan matlamat dapat dicapai bersama dengan lebih mudah dan dapat memberikan impak yang lebih besar. Kami tidak dapat menjangkakan hasil yang boleh dicapai oleh penduduk yang terdorong oleh matlamat negeri ini tetapi kami tahu bahawa penduduk yang berjaya didorong oleh kerajaan ialah komuniti yang bahagia dan kreatif.

Penang2030 terdiri daripada EMPAT TEMA yang tidak disenaraikan dalam urutan mengikut keutamaan kerana setiap tema adalah sama penting.

DAYA HIDUP	EKONOMI	RAKYAT	BINAAN PERSEKITARAN
Kami berhasrat untuk meningkatkan daya hidup bagi meninggikan kualiti kehidupan	Kami berhajat untuk meningkatkan ekonomi supaya dapat meninggikan pendapatan isi rumah.	Kami akan bekerja keras untuk memperkasa rakyat bagi mengukuhkan penyertaan awam. Pemerikasaan rakyat akan menjadi keutamaan dalam pentadbiran saya.	Kerajaan negeri akan terus melabur dalam persekitaran yang terbina untuk memperbaiki daya kebingkasannya.

Selain semua aspek teknikal projek yang sedang dijalankan, kunci kejayaan Penang2030 adalah seperti yang berikut:

- Melibatkan sebanyak mungkin pemegang taruh yang bukan sahaja untuk kemajuan ekonomi dan infrastruktur di Pulau Pinang malahan untuk pengembangan budaya juga.
- Menyelaraskan projek dan menyampaikan perubahan positif dan kemunduran kepada orang ramai.
- Menegakkan prinsip pemerintahan yang baik untuk menginspirasi negara.

TEMA

A

MENINGKATKAN DAYA HUNI BAGI MENAMBAH BAIK KUALITI KEHIDUPAN

TEMA

A

**MENINGKATKAN DAYA HUNI
BAGI MENAMBAH BAIK
KUALITI KEHIDUPAN**

SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS



Dengan sejarah kemodenan kosmopolitan, populasi yang pelbagai dan budaya hibridnya, Pulau Pinang terkenal secara global sebagai salah satu bandar yang paling sesuai didiami di seluruh dunia. Pulau Pinang adalah antara tempat yang paling selamat untuk didiami di Malaysia.

Namun, untuk mengekalkan dan mengembangkan reputasi Pulau Pinang sebagai rumah yang menarik bagi golongan muda dan tua, negeri ini perlu mempunyai dasar yang menyeluruh dan komprehensif dalam menguruskan keperluan penduduknya. Pendek kata, meningkatkan kualiti hidup secara menyeluruh dan progresif harus menjadi keutamaan kerajaan.

Oleh itu, pembinaan rumah mampu milik untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana harus menjadi tumpuan utama dalam penggubalan dasar bagi tahun-tahun akan datang. Bagi meningkatkan keselamatan dan kebersihan, dan menjadikan kitar semula sebagai sebahagian budaya penduduk di Pulau Pinang, teknologi baru akan digunakan selari dengan langkah-langkah yang dapat menggalakkan penyertaan orang ramai.

Kualiti kehidupan penduduk Pulau Pinang melibatkan kebajikan keluarga dan oleh itu, masalah yang dihadapi oleh wanita, golongan tua, golongan muda dan masyarakat rentan akan diberikan perhatian khusus. Mengutamakan keluarga ialah cara bekerja Penang2030 dalam usaha untuk membina masyarakat yang inklusif dan penyayang.

Kekal sihat ialah usaha keluarga, dan sukan serta rekreasi untuk usia yang berbeza-beza adalah keutamaan.

STRATEGI MENYELURUH

MENANGANI ISU KEMAMPUAN DAN KEPELBAGAIAN PERUMAHAN

dengan meningkatkan bilangan rumah, pemilikan dan bilangan rumah kos rendah dan sederhana, dan melakukan pembaharuan bandar rumah kos rendah.

MENAMBAH BAIK KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN AWAM SECARA BERTERUSAN

dengan mendefinisikan semula polisi keselamatan komuniti, pengurusan sisa, perlindungan marin, sungai dan pantai; melabur dalam infrastruktur yang lebih pintar dan menggalakkan penyertaan komuniti.

MENINGKATKAN KEBAJIKAN DAN SISTEM PENJAGAAN

dengan mempromosikan penuaan aktif, meningkatkan kualiti penjagaan untuk semua orang dan mengembangkan bidang pengurusan bersama belia melalui program bimbingan.

MEMPELBAGAIKAN KEMUDAHAN REKREASI, SUKAN DAN SENI

dengan mengembangkan rangkaian penyambung hijau, melabur dalam muzium, galeri, dan dalam bidang sukan untuk semua.



Bandar **ke-8** paling sesuai didiami di Asia
(ECA Antarabangsa 2010)



Tempat **ke-2** terbaik di dunia untuk bersara
(Conde Nast, 2016)



75.5 jangka hayat semasa lahir, ke-3 tertinggi di Malaysia
(DOSM, 2018)

TEMA

A

MENINGKATKAN DAYA HUNI BAGI MENAMBAH BAIK KUALITI KEHIDUPAN

TEMA

A



**MENINGKATKAN DAYA HUNI
BAGI MENAMBAH BAIK
KUALITI KEHIDUPAN**

A1.

Menangani isu
kemampuan dan
kepelbagaian perumahan

Pulau Pinang mempunyai pelbagai aset perumahan, daripada kondominium tepi pantai sehinggalah kediaman bertingkat tinggi dan rumah teres di pinggir bandar. Mempelbagaikan stok perumahan dan mengalakkan skim sewa-beli, hidup bersama dan perumahan kos rendah sangat membantu penduduk Pulau Pinang. Aset perumahan milik kerajaan negeri dan tempatan yang sedia ada juga akan menjalani proses pembinaan semula untuk mengkaji perubahan kelayakan pemilik rumah bagi harta tanah tersebut.

Kerjasama dengan Bank Negara Malaysia juga penting untuk memastikan agar akses bagi pemilihan rumah oleh golongan berpendapatan rendah tidak terhalang dan dapat diberikan dengan sebanyak mungkin. Pilihan pinjaman alternatif mestilah disediakan bagi kumpulan ini.



INISIATIF UTAMA

1. Memperbesar skim sewa-beli, hidup bersama dan perumahan mikro.
2. Meningkatkan jumlah rumah bagi golongan fakir miskin.
3. Tebus dan memperbaharu skim perumahan kos rendah.
4. Menambah baik situasi perumahan bagi isi rumah berpendapatan rendah.

SASARAN

180,000
jumlah rumah berkos rendah

3,000
keluarga mendapat faedah daripada kewujudan skim perumahan urban

1,000
unit sewa beli disediakan oleh kerajaan

TEMA

A

MENINGKATKAN DAYA HUNI BAGI MENAMBAH BAIK KUALITI KEHIDUPAN

TEMA

A

**MENINGKATKAN DAYA HUNI
BAGI MENAMBAH BAIK
KUALITI KEHIDUPAN**

A2.

Meningkatkan keselamatan
dan kebersihan awam
secara berterusan.

Kadar jenayah di Pulau Pinang hanya separuh daripada di Kuala Lumpur. Perkara ini ialah petanda baik tetapi ia tidak bermakna bahawa kita tidak dapat melakukan yang lebih baik.


Usaha mengurangkan jenayah memerlukan gerak balas pelbagai pihak yang melibatkan kepolisian masyarakat, pelaburan infrastruktur dan program sosial untuk mempromosikan sifat keakraban keluarga dan komuniti yang teguh. Inisiatif "*Eyes on the street*" yang mendorong aktiviti dilakukan di tempat awam, di tempat yang mempunyai pencahayaan yang lebih baik, dan pencegahan jenayah melalui reka bentuk urban telah terbukti berjaya di tempat lain. Oleh itu, inisiatif ini akan dilaksanakan di Pulau Pinang.

Kebersihan umum di jalan-jalan, kedai, sungai dan laluan perairan pantai perlu diberikan perhatian sekiranya kita ingin meningkatkan tahap kehidupan kita. Memang benar bahawa penduduk Pulau Pinang mengitar semula sepertiga sampah mereka, tetapi masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan. Sebanyak 40% sampah yang dikumpulkan setiap hari ialah sisa organik dan lembangan air kita berkualiti rendah.

Teknologi, sistem dan tingkah laku yang baru akan digunakan untuk meningkatkan kebersihan umum.

Kejadian jenayah di Pulau Pinang adalah 2 kali lebih rendah daripada di Kuala Lumpur

Bilangan jenayah per populasi 100,000 (2017)



Sumber: DOSM

1,100 tan sisa yang dikumpulkan di Pulau Pinang setiap hari



Source: Bahagian Kerajaan Tempatan Pulau Pinang

INISIATIF UTAMA

1. Mengamalkan teknologi "sisa kepada tenaga"
2. Memberikan bantuan kepada usaha gotong-royong yang dilakukan oleh penduduk untuk membersihkan kawasan sekitar, kawasan awam, tebing sungai dan pantai
3. Melaksanakan program "*Eyes on the street*" untuk mewujudkan komuniti yang lebih selamat
4. Menguatkuasakan pemasangan kemudahan kitar semula air kumbahan dan sisa organik di harta tanah komersial

SASARAN

300 tan
sisa organik disalurkan ke loji
"Sisa kepada Tenaga"

50%
kadar kitar semula isi rumah

100%
stesen kualiti marin yang dinilai
baik

TEMA

A

MENINGKATKAN DAYA HUNI BAGI MENAMBAH BAIK KUALITI KEHIDUPAN

TEMA

A

**MENINGKATKAN DAYA HUNI
BAGI MENAMBAH BAIK
KUALITI KEHIDUPAN**

A3.


Meningkatkan kebajikan
dan sistem penjagaan

Pada dekad akan datang, jumlah penduduk Pulau Pinang yang berumur lebih daripada 60 tahun akan meningkat hampir dua kali ganda. Hal ini akan memberikan tekanan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dan meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan warga emas. Kesunyian dan peningkatan bilangan individu tanpa tempat tinggal dalam kalangan warga emas juga perlu diberikan perhatian.

Selain memperluas perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan perkhidmatan rawatan bergerak, kerajaan juga akan memberikan insentif kepada sektor swasta untuk melabur dalam penjagaan warga tua yang berkualiti. Terdapat juga keperluan yang mendesak untuk melaksanakan program penuaan aktif.

Keperluan anak muda juga tidak akan diabaikan, dan program akan bermula dengan membantu keluarga dan anak-anak yang rentan. Kesemua lapisan masyarakat termasuklah pihak sekolah dan organisasi masyarakat awam, akan diminta untuk bekerja sama dengan sumber-sumber negeri untuk membantu golongan yang memerlukan pada peringkat awal. Inisiatif pementoran juga digalakkan.

Penduduk Pulau Pinang bertambah tua manakala usia pertengahan meningkat kepada 31.6 pada tahun 2017 daripada 29.6 pada tahun 2010



Pengasuh di Pulau Pinang menjaga warga emas dalam bilangan yang lebih tinggi

BILANGAN WARGA EMAS & KANAK-KANAK BAGI SETIAP PENJAGA DALAM JAGAAN HARIAN (2016)

▲ Warga Emas	▲ 6.6	▲ 5.6	▲ 4.9
▲ Kanak-Kanak	▲ 5.0	▲ 5.1	▲ 4.3
	Pulau Pinang	Kuala Lumpur	Malaysia

2016	Children (0-4 y/o)		Senior Citizens	
	Enrolments	Caregivers	Enrolments	Caregivers
Penang	4,480	889	824	124
Kuala Lumpur	10,001	1,962	685	123
Malaysia	77,115	17,915	8,025	1,627

Source:
Jabatan
Kebajikan
(2016)

INISIATIF UTAMA

1. Mengamalkan dasar penuaan aktif untuk Pulau Pinang
2. Membangunkan rangkaian kemudahan penjagaan harian yang proaktif bagi golongan muda, tua dan yang memerlukan
3. Bekerjasama dengan sektor swasta untuk membangunkan institusi latihan pengasuh bertaraf antarabangsa yang berpusat di Pulau Pinang
4. Menggalakkan program latihan hidup dalam kalangan remaja

SASARAN

50%

peningkatan dalam aktiviti sosial dan rekreasi dalam kalangan warga emas

1,000

belia akan mengikuti program latihan hidup setiap tahun

1,000

kanak-kanak mendapat manfaat daripada program bimbingan 1-senior-1-anak setiap tahun

TEMA

A

MENINGKATKAN DAYA HUNI BAGI MENAMBAH BAIK KUALITI KEHIDUPAN

TEMA

A

**MENINGKATKAN DAYA HUNI
BAGI MENAMBAH BAIK
KUALITI KEHIDUPAN**



A4.

Mempelbagaikan
kemudahan rekreasi,
sukan, dan seni

Pulau Pinang bukan sahaja terkenal dengan kawasan semula jadinya seperti Bukit Bendera, Taman Negara Pulau Pinang di Teluk Bahang dan Taman Botani, malahan Pulau Pinang juga telah melahirkan ramai personaliti sukan yang bertaraf dunia, antaranya Datuk Lee Chong Wei dan Dato' Nicol David. Manakala dalam bidang seni pula, kita mempunyai tokoh yang terkenal seperti Dato' Jimmy Choo dan Encik Tan Twan Eng.

Sejak George Town tersenarai sebagai Warisan Dunia UNESCO, ruang budaya dan seni kita telah berkembang maju. Meskipun begitu, penyediaan ruang terbuka yang diwartakan hanya separuh daripada standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Tambahan pula, banyak kawasan semula jadi simpanan dan ruang hijau yang ada telah terputus hubungan, dan akses untuk melawati kawasan perairan menjadi lebih sukar tahun demi tahun bagi masyarakat. Isu ini harus diselesaikan.

Pelaburan dalam kemudahan rekreasi mestilah menyokong usaha untuk mewujudkan komuniti yang sihat. Kesejahteraan rohani dan mental juga harus ditingkatkan melalui pelaburan yang berterusan dalam aktiviti-aktiviti seni dan budaya secara serentak.



INISIATIF UTAMA

1. Mewujudkan rangkaian penyambung hijau seluruh negeri termasuklah taman tepi pantai dan sungai.
2. Melabur dalam muzium dan rangkaian galeri.
3. Membangunkan rancangan induk seni dan budaya
4. Melaksanakan program Satu Sukan Satu Bulan di seluruh negeri

SASARAN

100 km
persiaran tepi laut tambahan

PENINGKATAN 50%
kadar aktiviti fizikal dalam kalangan remaja

PENINGKATAN BERGANDA
dalam produksi seni/budaya yang berasaskan komuniti

TEMA

B

MENAIK TARAF EKONOMI BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN ISI RUMAH

TEMA

B

MENAIK TARAF EKONOMI
BAGI MENINGKATKAN
PENDAPATAN ISI RUMAH



Hasil pengeluaran dan pelaburan di Pulau Pinang adalah antara yang tertinggi di negara ini. Sektor pelancongan telah meningkat dengan ketara dan syarikat-syarikat baharu yang bermula dalam bidang kreatif mula wujud. Walau bagaimanapun, untuk menjadi negeri yang berpendapatan tinggi, Pulau Pinang harus menghadapi era digital dan Industri 4.0 dan meningkatkan rantai nilai dengan melabur dalam bakat dan teknologi yang ada secara serentak. Hal ini memerlukan usaha yang pelbagai dalam sektor pelancongan, pertanian, pembuatan, serta inkubasi dalam perusahaan kreatif dan sosial yang baru.

Usaha untuk mengukuhkan industri pembuatan dan sektor perkhidmatan bersama, teknologi hijau, menarik kemahiran baru, membangunkan PKS, dan mewujudkan insentif untuk perniagaan dengan tujuan sosial akan menjadi faktor pengubah yang penting untuk mewujudkan pasaran pekerjaan yang besar dan dapat menarik minat bakat-bakat hebat dari seluruh dunia.

STRATEGI MENYELURUH

MEMAJUKAN KETERSEDIAAN INDUSTRI PEMBUATAN TEMPATAN UNTUK ERA DIGITAL DAN EKONOMI HIJAU

melalui pelaburan dalam STEM, TVET dan pembelajaran sepanjang hayat serta peningkatan keupayaan untuk PKS dan teknologi hijau

MODERNISE AND DIVERSIFY SUSTAINABLE AGRICULTURE

dengan meletakkan Pulau Pinang sebagai Lembah Hijau, meningkatkan rantai nilai pertanian, memanfaatkan teknologi dan mendorong pertanian urban

CREATE A VARIETY OF QUALITY TOURISM PRODUCTS ACROSS THE ISLAND AND MAINLAND

dengan menggunakan rancangan induk pelancongan untuk mengimbangkan pelancongan, menarik segmen pelancongan yang bernilai tinggi dan meningkatkan perkhidmatan pelanggan

FOSTER AN ECOSYSTEM THAT NURTURES CREATIVE INDUSTRIES AND NICHE BUSINESS SERVICES

dengan mengembangkan bakat, menarik orang Pulau Pinang yang mahir untuk kembali pulang ke Pulau Pinang serta memberikan insentif kepada syarikat baharu dan perusahaan sosial



RM10.8 billion

jumlah pelaburan langsung asing dan domestik di Pulau Pinang (2017) (negeri tertinggi ke-2)



USD 12,468

GDND Pulau Pinang per kapita (2017), yang merupakan 1/5 daripada Singapura



RM5,409

Pendapatan isi rumah sederhana di Pulau Pinang (2016), hanya 60% daripada KL

TEMA

B

MENAIK TARAF EKONOMI BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN ISI RUMAH

TEMA


B

**MENAIK TARAF EKONOMI
BAGI MENINGKATKAN
PENDAPATAN ISI RUMAH**

B1.

Memajukan ketersediaan
industri pembuatan
tempatan untuk era digital
dan ekonomi hijau

INDUSTRI 4.0




Selama 40 tahun yang lalu, sektor pembuatan Pulau Pinang telah berkembang daripada sektor pemasangan semikonduktor kepada satu ekosistem teknologi yang canggih. Syarikat multinasional E&E yang asal kekal dan kini mempunyai pusat penyelidikan dan reka bentuk yang besar. Sektor peralatan perubatan, diagnostik dan aeroangkasa juga telah muncul, dan pembuatan teknologi hijau (cth. solar) juga mula mengambil tempat.

Kacukan antara seni dengan sains juga telah mengembangkan syarikat permainan dan animasi, dan integrasi perisian dengan perkakasan telah melahirkan banyak syarikat pemula yang baharu.

Pihak pengilang menyumbangkan sebanyak 45% kepada ekonomi di Pulau Pinang. Namun, sebahagian besarnya masih berasaskan proses bahagian belakang. Untuk meningkatkan rantai nilai, industri perlu memanfaatkan sepenuhnya fenomena automasi dan era digital seperti robotik, internet Perkara (IOT), kecerdasan artifisial (AI) dan pembelajaran mesin.

Perkara ini dapat dicapai sekiranya Pulau Pinang mempunyai ekosistem yang disokong oleh tenaga kerja yang mahir dan teknologi yang relevan.



INISIATIF UTAMA

1. Menubuhkan makmal bersama untuk meningkatkan skala kursus latihan praktikal STEM / TVET, peningkatan kemahiran & pengukuhan kemahiran semula, dan pembelajaran sepanjang hayat
2. Memperkenalkan program peningkatan kapasiti untuk membantu peralihan PKS ke Industri 4.0
3. Bekerjasama dengan industri untuk membangunkan dan menerapkan teknologi hijau.
4. Melaksanakan program penghijauan untuk mendorong inisiatif penyesuaian perubahan iklim di taman perindustrian

SASARAN

1,000

PKS menyertai program peningkatan kapasiti untuk beralih ke Industri 4.0

SIFAR BILANGAN

syarikat pembuatan yang melaporkan pengambilan bakat sebagai penghalang

50

paten teknologi hijau baru yang didaftarkan oleh firma yang berpangkalan di Pulau Pinang

TEMA

B

MENAIK TARAF EKONOMI BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN ISI RUMAH

TEMA

B

MENAIK TARAF EKONOMI
BAGI MENINGKATKAN
PENDAPATAN ISI RUMAH

B2.


Memodenkan dan
mempelbagaikan
pertanian lestari

Aktiviti pertanian merangkumi lebih daripada satu pertiga keseluruhan kawasan Pulau Pinang. Negeri ini terkenal dengan aktiviti akuakultur dan hasil pengeluaran padi yang banyak serta bilangan pekerja yang berkemahiran tinggi yang ramai. Terdapat juga pergerakan pertanian bandar yang berkembang, dan minat yang semakin meningkat terhadap produk pelancongan berasaskan pertanian khusus. Bagaimanapun, pertanian menyumbang kurang daripada 2% KDNK.

Tumpuan sekarang haruslah terarah pada usaha untuk memodenkan dan mempelbagaikan sektor pertanian bagi meningkatkan hasil dan menghasilkan produk yang bernilai lebih tinggi. Kerjasama yang lebih hebat antara petani, nelayan, usahawan agro dan syarikat-syarikat pemula di desa amat diperlukan. Keselamatan makanan dan kelestarian makanan dapat ditambah baik melalui amalan pertanian berhasil tinggi dan melalui penggunaan teknologi pertanian bandar.


Bahagian pekerja berkemahiran rendah dalam pertanian di Pulau Pinang adalah 4 kali lebih tinggi daripada peringkat nasional

Pekerja di Pulau Pinang berdasarkan kemahiran (Disember 2015)



Pulau Pinang mempunyai hasil tanaman padi per hektar tertinggi selepas Selangor

Purata hasil padi per hektar (tan / hektar)



INISIATIF UTAMA

1. Menjadikan Pulau Pinang sebagai Lembah Hijau berteknologi tinggi, zon perindustrian akuakultur dan hub halal
2. Memperkenalkan inisiatif "Feeding Penang" bagi mewujudkan lebih banyak pertanian bandar dan tempatan dan memastikan keselamatan makanan
3. Membolehkan pelaburan untuk K&S dan mengembangkan bakat dalam sektor pertanian
4. Memacu Pertanian 4.0 melalui kerjasama antara petani, nelayan, usahawan agro dan syarikat-syarikat pemula luar bandar untuk mengembangkan pengetahuan digital demi merapatkan jurang antara kemahiran mentah dan teknologi

SASARAN

PENINGKATAN 20%

dalam produktiviti pertanian

100

syarikat pertanian bandar baharu

20% PENURUNAN

dalam purata mil makanan

TEMA

B

MENAIK TARAF EKONOMI BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN ISI RUMAH

TEMA

B

**MENAIK TARAF EKONOMI
BAGI MENINGKATKAN
PENDAPATAN ISI RUMAH**


B3.

Mencipta pelbagai
produk pelancongan yang
berkualiti di seluruh pulau
dan Seberang Perai

Pulau Pinang ialah destinasi pelancongan yang terkemuka. Pulau Pinang kaya dengan aset budaya dan warisan, makanan jalanan yang terkenal, alam semula jadi yang indah, resort di tepi pantai dan perkhidmatan pelancongan serta infrastruktur yang maju. Pelancongan domestik, pelayaran dan perubatan juga sedang berkembang dengan pesat.


Walau bagaimanapun, lonjakan dalam bidang pelancongan beberapa tahun kebelakangan ini memberikan tekanan terhadap infrastruktur dan kemudahan di negeri ini. Secara purata, tempoh menginap pelancong juga agak rendah. Oleh itu, jika kita ingin menjamin pengurusan pelancongan yang lebih baik, maka, kita memerlukan pelbagai jenis produk yang berkualiti di seluruh pulau dan seberang Perai untuk menarik minat pelancong yang bernilai tinggi.

Pulau Pinang menerima 6.4 juta pelancong pada tahun 2016



Purata perbelanjaan pelancong setiap lawatan di Pulau Pinang sebanyak RM1.166 secara relatifnya agak rendah

Purata Perbelanjaan Pelancong per Lawatan (RM)



INISIATIF UTAMA

1. Menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat bagi bidang kesihatan, halal, kebudayaan, perniagaan dan eko-pelancongan
2. Menarik minat pelaburan dalam produk dan destinasi pelancongan yang bernilai tinggi
3. Mendorong penyedia pendidikan tempatan dan perkhidmatan pelancongan agar berusaha untuk mencapai kualiti perkhidmatan pelanggan yang lebih tinggi
4. Melancarkan kempen pemasaran bersasar bagi pasaran antarabangsa dan domestik
5. Meningkatkan penglibatan dan pengalaman penduduk tempatan melalui pelancongan domestik untuk mempromosi kelestarian sektor pelancongan
6. Membangunkan bandar sekunder dan tertier sebagai destinasi pelancongan yang unik

SASARAN

MENGGANDAKAN

purata perbelanjaan
pelancongan

5

produk destinasi antarabangsa
baharu yang bernilai tinggi

MENGGANDAKAN

tahap kepuasan pelancong

TEMA

B

MENAIK TARAF EKONOMI BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN ISI RUMAH

TEMA

B

**MENAIK TARAF EKONOMI
BAGI MENINGKATKAN
PENDAPATAN ISI RUMAH**

B4.


Membina ekosistem yang
memupuk industri kreatif
dan perkhidmatan
perniagaan khusus

Untuk mempelbagaikan ekonomi Pulau Pinang, pemacu pertumbuhan yang baharu diperlukan untuk memanfaatkan kekuatan tempatan dan trend global yang baru muncul. Segmen perkhidmatan perniagaan global (GBS) telah muncul sebagai penyumbang pendapatan yang penting bagi sektor perkhidmatan. Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), segmen ini mencatat pelaburan bernilai RM4.1 bilion untuk Pulau Pinang pada 2016. Hub GBS ialah pusat sehati untuk perkhidmatan seperti urus niaga kewangan, analisis data, sokongan teknologi maklumat dan sumber manusia bagi syarikat-syarikat yang melaksanakan perkhidmatan ini.

Sektor kreatif yang muncul di Pulau Pinang merangkumi syarikat-syarikat pemula teknologi dan aktiviti berasaskan budaya. Walau bagaimanapun, sumbangannya kepada KDNK kurang daripada 1%. Usaha yang diselarasakan untuk mencerminkan kejayaan industri pembuatan adalah diperlukan. Strategi jangka panjang akan menarik semula bakat kreatif untuk tinggal atau pulang ke Pulau Pinang. Strategi ini juga adalah untuk memastikan tempat kerja ialah tempat yang mesra keluarga. Pulau Pinang juga berpotensi besar untuk menjadi lokasi pilihan perusahaan sosial sebagai ibu pejabat operasi wilayah mereka.

Ekonomi kreatif dan budaya Pulau Pinang menyumbang kurang daripada 1% daripada KDNK


Sumbangan sektor Kreatif dan Budaya kepada KDNK Negara (GDP/GYA) (%)



Sumber:
UNCTAD (2010),
myCreative,
Geografia (2016)

Pulau Pinang mempunyai satu daripada jumlah tertinggi (5291) masyarakat aktif yang berdaftar per kapita

Nisbah Penduduk dalam NGO



Source: www.ros.gov.my/semakan-status-pertubuhan

INISIATIF UTAMA

1. Membentuk kelompok budaya dan reka bentuk untuk mengembangkan bakat, produk dan perkhidmatan kreatif
2. Membangunkan Pulau Pinang sebagai sebuah syarikat pemula dan negeri mesra perniagaan sosial
3. Penyumberan luar perniagaan di Pulau Pinang
4. Menggalakkan ruang kerja bersama, e-dagang dan perniagaan digital

SASARAN

DESTINASI TERBAIK

serantau untuk menubuhkan perniagaan sosial

50%

syarikat-syarikat pemula kreatif terus beroperasi selama 3 tahun

5%

sumbangan daripada industri kreatif kepada KDNK

TEMA

C

MEMPERKASA RAKYAT BAGI MENINGKATKAN PENYERTAAN AWAM

TEMA

C

MEMPERKASA RAKYAT BAGI
MENINGKATKAN
PENYERTAAN AWAM



Matlamat utama kerajaan Pulau Pinang adalah untuk membalas kepercayaan yang telah ditunjukkan oleh penduduk Pulau Pinang sejak sepuluh tahun lalu dengan menunjukkan keyakinan kerajaan terhadap kemampuan penduduk untuk menyumbang pada penggubalan dasar masa depan. Kajian menunjukkan bahawa KDNK per kapita tidak lagi dapat menjadi satu-satunya petunjuk kesejahteraan negara.

Pemeriksaan masyarakat melalui program peningkatan kapasiti, pendidikan sepanjang hayat dan meningkatkan penyertaan dalam membuat sesuatu keputusan akan dijalankan bersama-sama selari dengan reformasi institusi yang berkaitan dengan penyampaian program, tanggungjawab dan akauntabiliti demokratik.

Indeks Kebahagiaan di Pulau Pinang (HIP) akan dilakukan setiap 2-3 tahun untuk menilai prestasi kerajaan dan keadaan sosio-ekonomi penduduk. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa dasar kerajaan memberikan kesan yang positif dan kukuh.

STRATEGI MENYELURUH

MENINGKATKAN KOMUNITI YANG RENTAN DAN MENGURANGKAN KETAKSAMAAN

melalui program peningkatan kapasiti seperti kepemimpinan masyarakat, meningkatkan literasi dan memperbaiki kemahiran hidup bagi golongan muda

MENINGKATKAN PENYERTAAN BELIA, WANITA DAN WARGA EMAS DALAM KEHIDUPAN KOMUNITI

melalui pemerikasaan organisasi masyarakat awam, terutamanya dalam kalangan belia dan pelajar

MEMBANGUNKAN LEBIH BANYAK PLATFORM UNTUK PENYERTAAN AWAM DALAM PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

melalui peningkatan ketelusan data awam

MEMPERCEPAT PENYAMPAIAN PROGRAM DAN REFORMASI INSTITUSI

melalui pendigitalan mesin kerajaan negeri terutamanya dalam proses membuat keputusan yang dipacu oleh pangkalan data besar



31%

penduduk Pulau Pinang tidak bersetuju bahawa pemerintah tempatan bekerja demi kepentingan terbaik mereka
(Arcadis / TC, 2016)



<1%

rakyat Malaysia ialah sukarelawan berdaftar
(dosomethinggood.com, 2012)



77%

penduduk Pulau Pinang sangat gembira atau gembira (tertinggi di Malaysia)
(TheEdgeProperty.com-Kebahagiaan Lafarge dalam Indeks Bandar Raya, 2017)

TEMA

C

MEMPERKASA RAKYAT BAGI MENINGKATKAN PENYERTAAN AWAM

THEME

C

**MEMPERKASA RAKYAT BAGI
MENINGKATKAN
PENYERTAAN AWAM**



C1.

Membantu komuniti yang
rentan dan mengurangkan
ketaksamaan

Walaupun Pulau Pinang mempunyai kadar kemiskinan yang rendah (0.1%), 16% isi rumahnya masih rentan dari segi kewangan. Sebilangan besar isi rumah B40 tidak mampu untuk menyambung pengajian tinggi. Ketaksamaan ialah suatu isu yang membimbangkan dan median jurang pendapatan antara isi rumah B4D dengan T20 menghampiri RM10,000 sebulan.

Kemiskinan ialah fenomena multidimensi yang berbeza-beza dari segi jantina, usia, budaya, dan faktor sosial serta konteks ekonomi yang lain. Perkara ini perlu difahami dengan sewajarnya, dengan menimbang beberapa aspek seperti aspek pendidikan, taraf hidup dan kesihatan. Penyelidikan yang komprehensif dan bersifat multidimensi terhadap kemiskinan ekonomi dan kerentanan sosio-budaya di Pulau Pinang adalah amat diperlukan.

Pengembangan kemahiran dan latihan kemahiran akan dilaksanakan dengan secepat mungkin untuk masyarakat yang rentan selari dengan usaha untuk meningkatkan jumlah program literasi dan kemahiran hidup. Program untuk menambah baik perkhidmatan kebajikan semasa juga akan dilakukan.



INICIATIF UTAMA

1. Melaksanakan program kepimpinan komuniti
2. Meningkatkan jumlah program literasi dan kemahiran hidup yang berkesan untuk remaja yang berisiko
3. Menjalankan kajian asas yang komprehensif mengenai keluarga dan individu yang rentan
4. Menjalankan kajian semula mengenai sistem kebajikan yang ada di Pulau Pinang

SASARAN

PENGURANGAN 50%

median jurang antara kumpulan pendapatan isi rumah

MENGURANGKAN SEPARUH

jumlah penduduk yang bergantung pada bantuan kebajikan kerajaan (kewangan)

PENINGKATAN 30%

dalam perbelanjaan berulang dan modal kerajaan kepada sektor yang memberikan manfaat kepada golongan miskin dan rentan melalui program latihan semula

TEMA

C

TEMA

C

MEMPERKASA RAKYAT BAGI
MENINGKATKAN
PENYERTAAN AWAM



C2.

Meningkatkan penyertaan
belia, wanita dan warga
emas dalam kehidupan
masyarakat

Meningkatkan penyertaan belia, wanita dan warga emas dalam kehidupan masyarakat ialah kunci untuk memperbaiki kebahagiaan dan kesejahteraan mereka.

Menjelang tahun 2030, terdapat pertambahan seramai 185,000 warga emas di Pulau Pinang yang mempunyai tenaga dan pengetahuan yang boleh dimanfaatkan. Malahan, jumlah gabungan belia dan warga emas adalah hampir menyamai jumlah populasi pekerja. Walaupun mereka tidak terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi, sumbangan mereka dalam aktiviti harian yang bermakna mungkin suatu sumbangan yang penting dan sumbangan tersebut tidak boleh diabaikan. Sekiranya kita dapat menggalakkan penyertaan secara sukarela dalam kalangan komuniti, maka, perkara ini tentunya menjadi faktor penggerak yang unik dan positif bagi penduduk Pulau Pinang dan membantu meningkatkan tahap kebahagiaan secara amnya. Penyertaan belia dalam proses membuat keputusan dan masyarakat awam akan mewujudkan suatu asas bagi generasi pemimpin akan datang.

Usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan bilangan wanita yang memiliki dan menjalankan perniagaan juga sama pentingnya. -usaha Program kepimpinan dan keusahawanan wanita juga akan diwujudkan.



INICIATIF UTAMA

1. Menyemai program sukarelawan dalam masyarakat
2. Mengadakan program syarikat-syarikat pemula dan keusahawanan untuk belia, wanita dan penduduk yang rentan
3. Melaksanakan program kepimpinan dan pemerksaan
4. Mengadakan program untuk pusat pembelajaran sepanjang hayat

SASARAN

20,000
sukarelawan belia yang berdaftar

40%
syarikat yang dimiliki wanita

1,000
sukarelawan warga emas untuk program bimbingan dan latihan setiap tahun

TEMA

C

MEMPERKASA RAKYAT BAGI MENINGKATKAN PENYERTAAN AWAM

TEMA

C

**MEMPERKASA RAKYAT BAGI
MENINGKATKAN
PENYERTAAN AWAM**

C3.

Mewujudkan lebih banyak
platform untuk melibatkan
orang awam dalam
membuat keputusan





Sejak beberapa tahun lepas, kadar penyertaan pengundi di Malaysia telah meningkat dan selepas berlakunya perubahan pentadbiran kerajaan pada tahun 2018, kita dapat melihat rakyat mula meletakkan harapan yang tinggi agar kerajaan bersikap lebih telus dan partisipatif.

Meskipun kerajaan negeri Pulau Pinang telah berusaha gigih untuk meningkatkan perkhidmatan dalam talian dan menyediakan platform untuk penduduknya, namun, penduduk yang menggunakan platform perundingan dalam talian adalah kurang daripada 3%. Malaysia diletakkan pada peringkat pertengahan dalam e-kerajaan (ke-48) dan e-penyertaan (ke-32) oleh PBB.

Untuk menggalakkan penyertaan demokrasi dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya penduduk Pulau Pinang, penyertaan haruslah bermula dari tahap pemerintahan yang paling rendah. Sebagai contoh, penglibatan dalam pengurusan harta tanah strata dan pemimpin dalam kalangan masyarakat.

Dengan kemajuan teknologi, penglibatan masyarakat dalam membuat keputusan dapat ditingkatkan dengan bantuan teknologi pintar yang dapat menyalurkan maklumat ke laluan pemerintahan yang relevan.



INISIATIF UTAMA

1. Mengkaji prosedur operasi standard kerajaan untuk memastikan akses yang sama rata bagi masyarakat terhadap perkhidmatan dan maklumat
2. Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam pengurusan harta tanah strata sebagai asas pemerintahan
3. Membangunkan ruang sehati bagi forum penglibatan komuniti dalam talian
4. Menjalankan tinjauan kebahagiaan dwitahunan untuk mengukur sentimen dan kebimbangan rakyat

SASARAN

1,000
pemimpin belia yang menyertai
program setiap tahun

50%
warga Pulau Pinang
menggunakan forum penglibatan
komuniti dalam talian

MENGGANDAKAN
tahap kebahagiaan penduduk
Pulau Pinang

TEMA

C

MEMPERKASA RAKYAT BAGI MENINGKATKAN PENYERTAAN AWAM

TEMA

C

**MEMPERKASA RAKYAT BAGI
MENINGKATKAN
PENYERTAAN AWAM**

C4.


Mempercepat
penyampaian program
dan pembaharuan institusi

DEWAN UNDANGAN NEGER

Seperti sektor pembuatan dan pertanian, revolusi digital dapat mengubah penyampaian perkhidmatan kerajaan. Malah, navigasi jalan raya, mitigasi banjir dan perbincangan kumpulan secara percuma merupakan contoh-contoh perkara yang tidak mungkin dapat dilakukan 10 tahun lalu tetapi kini sudah menjadi suatu kebiasaan. Media sosial atau komuniti maya sebenarnya telah mengubah cara manusia pada zaman ini berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain. Oleh itu, pembaharuan institusi yang dilakukan melalui pendigitalan agensi-agensi pemerintah supaya kerajaan dapat mengikuti perubahan yang selaras dengan zaman adalah penting.

Agensi kerajaan dapat menjalankan kajian penuh mengenai peranan, tanggungjawab serta prosedur operasi standard bagi mempercepat penyampaian program di semua inisiatif kerajaan dengan wujudnya bantuan teknologi pintar, kecerdasan buatan (AI) dan analisis data besar.

“Unit Data Besar” kerajaan negeri akan dibangunkan dan kemahiran serta pengetahuan perkhidmatan awam di daerah ini dapat ditingkatkan. Hal ini akan dibantu oleh industri teknologi melalui penerapan polisi data terbuka. Selain itu, kajian mengenai cara teknologi dan data besar dapat menyelaraskan perkhidmatan juga akan dilakukan.



Kedudukan Barometer Data Terbuka

	Tahun 2014		Tahun 2016	
Malaysia	41 st	↓	53 rd	
Indonesia	36 th	↓	38 th	
Singapura	29 th	↑	23 rd	
Australia	10 th	↑	5 th	

Sumber: Open Data Barometer

INISIATIF UTAMA

- Mempercepat e-tadbir urus dan menerapkan dasar data terbuka
- Menubuhkan unit data besar untuk perlombongan data dan latihan untuk ketua jabatan serta agensi dan institusi pendidikan
- Mengkaji semua garis panduan, peraturan, undang-undang dan dasar bagi semua jabatan pemerintah agar relevan dengan amalan semasa
- Menyelaraskan aktiviti dan perbelanjaan di seluruh negeri dan daerah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan dana
- Membangunkan aktiviti pembinaan kapasiti yang mencerminkan spektrum tujuan dan hasil yang luas untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pegawai kerajaan

INISIATIF UTAMA

PENYERAPAN PENUH

program transformasi digital kerajaan oleh semua agensi

5 BINTANG

dalam kecekapan sistem penyampaian

30%

polisi disemak setiap tahun

TEMA

D

MELABUR DALAM PERSEKITARAN TERBINA BAGI MENAMBAH BAIK DAYA PEMULIHAN

TEMA

D

MELABUR DALAM
PERSEKITARAN TERBINA
BAGI MENAMBAH BAIK
DAYA PEMULIHAN



Oleh sebab pola cuaca global semakin tidak menentu, pelaburan dalam infrastruktur dan perkhidmatan yang membina daya kebingkasan dan mengurangkan kerentanannya penting bagi Pulau Pinang.

Bagi menangani kebergantungan pada kereta dan perebakan bandar, sebuah model pembangunan bandar baharu diperlukan - model yang mengimbangi pembangunan antara pulau dan Seberang Perai dengan baik, serta memanfaatkan sistem pengangkutan awam baharu dan yang sedia ada.

Ketersambungan digital wilayah dan negeri perlu ditambah baik untuk memastikan kemakmuran ekonomi. Hal ini boleh mendorong perubahan perkhidmatan kerajaan dalam penerimgunaan teknologi pintar sepenuhnya.

Rangka penyesuaian perubahan iklim yang menyeluruh akan memberikan polisi persekitaran yang diperlukan dan menarik rakan kongsi untuk mempelopori inisiatif ini yang dapat memberikan inspirasi kepada negara untuk bertindak.

STRATEGI MENYELURUH

MENGIMBANGI PEMBANGUNAN MELALUI PERANCANGAN RUANG YANG BERKESAN

dengan menggunakan model bandar rangkaian yang ditentukan oleh pembangunan manusia padat, laluan mesra pejalan kaki dan perhubungan pengangkutan awam yang komprehensif

MENGUATKAN MOBILITI, KETERSAMBUNGAN DAN INFRASTRUKTUR DIGITAL

dengan menambah baik hubungan luaran dan dalaman, serta mendekatkan jurang digital

MENGINTEGRASIKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DENGAN TEKNOLOGI PINTAR

untuk pengurusan bandar yang lebih cekap dan telus, masa nyata

MELAKSANAKAN RANCANGAN PENYESUAIAN PERUBAHAN IKLIM

untuk menangani perubahan iklim dan mewujudkan ekonomi hijau



8%

bahagian pendapatan isi rumah untuk pengangkutan, 50% lebih tinggi daripada Hong Kong



1.5°

ramalan peningkatan suhu maksimum di George Town menjelang 2030



19.8 mb/s

purata kelajuan 4G dibandingkan dengan 44.3 mb/s di Singapura

TEMA

D

**MELABUR DALAM
PERSEKITARAN TERBINA
BAGI MENAMBAH BAIK
DAYA PEMULIHAN**



D1.

Mengimbangi
pembangunan melalui
perancangan ruang yang
berkesan

Perebakan bandar di Pulau Pinang telah menyebabkan pergantungan yang tinggi terhadap kenderaan persendirian, perjalanan masa yang lebih lama, kesesakan, kos pengangkutan yang tinggi dan kehilangan kawasan hijau yang berharga. Hal ini juga telah menyebabkan 'penebukan' pusat bandar dan pinggir bandar.

Model perancangan ruang yang baharu diperlukan agar pembangunan skala manusia yang padat dan kejiranan mesra pejalan kaki dengan pilihan pengangkutan awam yang baik dapat dihasilkan.

Kebergantungan terhadap kereta boleh dikurangkan melalui penggiatan semula pusat pinggir bandar, penciptaan teras bandar baharu melalui penggiatan semula kawasan persisiran George Town dan Butterworth, serta penyusunan semula taman industri.



INISIATIF UTAMA

1. Menerima guna model bandar rangkaian bagi pembangunan ruang di Pulau Pinang
2. Menambah baik taman industri dan pusat pekerjaan lain-lain dengan kemudahan awam supaya dapat mengurangkan waktu perjalanan
3. Menggiatan semula kawasan persisiran di Butterworth dan George Town
4. Menghidupkan semula pusat kejiranan pinggir bandar sebagai tempat yang lengkap untuk hidup, bekerja dan bermain

SASARAN

80%
pembangunan baharu di tapak
terbengkalai

10
program pemulihan pusat
kejiranan pinggir bandar

30 minit
purata masa perjalanan

TEMA

D

MELABUR DALAM PERSEKITARAN TERBINA BAGI MENAMBAH BAIK DAYA PEMULIHAN

THEME

D

MELABUR DALAM
PERSEKITARAN TERBINA
BAGI MENAMBAH BAIK
DAYA PEMULIHAN

D2.

Mengukuhkan mobiliti,
ketersambungan dan
infrastruktur digital

Infrastruktur mobiliti dan ketersambungan Pulau Pinang akan dibaik pulih melalui pelaburan sektor awam dan swasta. Langkah ini akan melancarkan kemajuan ekonomi masa hadapan dan membekalkan mobiliti yang lebih besar kepada kaum keluarga, serta peluang perniagaan dan pekerjaan.


Kunci utama ialah menambah baik infrastruktur pengangkutan awam termasuklah perkhidmatan rel ringan dan feri berkelajuan tinggi. Program berterusan untuk meningkatkan hubungan batuan pertama dan terakhir akan turut dijalankan.

Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan dikembangkan untuk menangani permintaan jangka pertengahan, manakala penyelesaian jangka panjang akan diselidiki.

Ketersambungan digital juga amat penting sekiranya Pulau Pinang ingin keluar daripada perangkap pendapatan sederhana. Perkongsian dengan penyedia utama akan dilaksanakan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri gigabit pertama.


Penggunaan pengangkutan awam di Pulau Pinang amat rendah

Perkongsian Mod Pengangkutan Awam dan Kenderaan Persendirian Ketika Masa Puncak (%)



Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah melebihi kapasiti 6.5 million sejak 2016

Penumpang yang dikendalikan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (2017)



INISIATIF UTAMA

1. Menggalakkan penggunaan motosikal elektrik untuk memperbaiki kualiti udara
2. Menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri gigabit melalui penambahbaikan besar infrastruktur digital
3. Mengutamakan pembinaan rel ringan dan pengenalan perkhidmatan feri berkelajuan tinggi serta teksi air
4. Mengutamakan penambahbaikan lapangan terbang sedia ada

SASARAN

50%
jumlah motosikal menggunakan
kuasa elektrik

20%
perjalanan menggunakan
pengangkutan awam

PENINGKATAN 50%
bagi destinasi yang boleh dicapai
terus dari Lapangan Terbang
Antarabangsa Pulau Pinang

TEMA

D

MELABUR DALAM PERSEKITARAN TERBINA BAGI MENAMBAH BAIK DAYA PEMULIHAN

TEMA

D

MELABUR DALAM
PERSEKITARAN TERBINA
BAGI MENAMBAH BAIK
DAYA PEMULIHAN

D3.



Mengintegrasikan
perkhidmatan perbandaran
dengan teknologi pintar



Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan perbandaran dan kerajaan, teknologi pintar akan digunakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MPSP) dan agensi kerajaan lain.

Penderia dan peranti bersambung lain untuk mengumpulkan data akan dipasang untuk membolehkan pengurusan dinamik bagi pemantauan dan maklum balas masa nyata. Aplikasi masyarakat juga akan dibangunkan selari dengan usaha tersebut. Langkah ini akan diluaskan kepada pengurusan lalu lintas, peruntukan elektrik, bekalan air, pencahayaan, pengurusan tempat letak kereta dan bencana.

Pengeluaran tenaga juga akan dipelbagaikan melalui pembangunan industri solar -- peranti berskala lebih kecil akan dipasang di bangunan sedia ada dan di ladang solar dalam skala yang lebih besar pula. Kerajaan tempatan dengan kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad akan memperkenalkan garis panduan pembangunan untuk menggalakkan bangunan sedia ada untuk dinaik taraf dengan kemudahan tenaga solar atau pengeluaran sisa kepada tenaga.



INISIATIF UTAMA

1. Penggunaan teknologi pintar wajib untuk penyampaian perkhidmatan perbandaran
2. Bekerjasama dengan masyarakat tempatan dan NGO mengenai inisiatif bandar pintar
3. Melaksanakan papan pemuka pelaporan pintar tentang penunjuk utama Pulau Pinang
4. Melabur dalam tenaga yang boleh diperbaharui

SASARAN

- 100%

agensi kerajaan menggunakan teknologi pintar
- 100%

bangunan kerajaan hijau dan pintar
- 100%

pembangunan baharu menggunakan teknologi bandar pintar

TEMA

D

MELABUR DALAM PERSEKITARAN TERBINA BAGI MENAMBAH BAIK DAYA PEMULIHAN

TEMA

D

**MELABUR DALAM
PERSEKITARAN TERBINA
BAGI MENAMBAH BAIK
DAYA PEMULIHAN**

D4.



Melaksanakan rancangan
penyesuaian perubahan
iklim

Meskipun Pulau Pinang mempunyai reputasi sebagai negeri yang menguruskan sumber airnya dengan paling efektif, namun, Pulau Pinang akan berhadapan dengan cabaran yang serius dalam dekad yang akan datang berkaitan dengan jaminan airnya. Oleh itu, rancangan sedang dibuat untuk mendapatkan sumber air bersih.

Pulau Pinang amat mudah terdedah pada perubahan iklim. Suhu purata di Pulau Pinang diramalkan akan meningkat sebanyak 1.5°C menjelang tahun 2030. Gabungan peningkatan suhu dan banjir akan memberikan kesan terhadap kesejahteraan penduduk dan mengakibatkan kerugian ekonomi kumulatif sebanyak RM 6 bilion menjelang 2030.

Pulau Pinang berhasrat untuk memimpin negara dengan membangunkan rancangan penyesuaian iklim Malaysia yang pertama. Usaha ini akan diikuti dengan inisiatif yang memfokuskan penyejukan kawasan bandar melalui penghijauan dan pengurangan risiko banjir. Penggunaan 'model bandar span' - yang menyerap air secara semula jadi melalui permukaan lebih telap - dapat membantu usaha mengurangkan banjir seterusnya.

Pengurangan bencana sedia ada dan strategi pengurusan akan dikemas kini untuk menggabungkan ramalan terkini suhu dan banjir yang berkait dengan perubahan iklim.



INISIATIF UTAMA

1. Bekerjasama dengan organisasi antarabangsa untuk membangunkan dan melaksanakan rancangan penyesuaian iklim
2. Merintis inisiatif penyejukan bandar berasaskan alam semula jadi
3. Menggunakan pendekatan bandar span untuk mengurangkan risiko banjir
4. Mengemas kini pengurangan bencana dan strategi pengurusan untuk menguruskan risiko cuaca dan banjir

SASARAN

SEMUA pembangunan baharu dengan pensijilan emas GBI mulai tahun 2020 dan seterusnya	30% bahan pembinaan infrastruktur dikitar semula	100% hotel di Pulau Pinang menjadi hijau	20% pengurangan penggunaan air domestik per kapita sehari	100% lampu jalan LED dengan fungsi tiang pintar	200,000 tambahan pokok ditanam di Pulau Pinang
---	---	--	--	---	--

PROJEK ASAS - TEMA A

JARINGAN HIJAU & BANDAR SPAN

Matlamat projek Jaringan Hijau Pulau Pinang adalah untuk menghubungkan komponen yang berbeza kawasan hijau untuk menghasilkan rangkaian yang akan memanfaatkan biodiversiti. Hasil yang diharapkan ialah rancangan infrastruktur hijau yang komprehensif, yang menghubungkan taman pesisir pantai dengan persisiran pejalan kaki, dan juga koridor sungai di bandar dengan kawasan hijau persisiran bandar yang biodiversiti. Rancangan ini akan digabungkan dengan beberapa rancangan lain yang masih berjalan, menurut (dan menyumbang) kepada polisi tempatan. Projek Jaringan Hijau juga merupakan sebahagian daripada strategi yang lebih luas yang dibangunkan untuk menangani perubahan iklim di Pulau Pinang.

Perubahan iklim ialah ancaman yang besar terhadap bandar utama pada masa akan datang --terutamanya bandar pesisir pantai dan pulau. Hal ini adalah sangat relevan dengan bandar-bandar Asia Tenggara, kerana kawasan tersebut telah dikenal pasti pada tahun 2018 oleh Panel Antara Kerajaan tentang Perubahan Cuaca (IPCC) sebagai satu daripada tiga kawasan di dunia yang akan terkesan teruk oleh perubahan iklim. Bandar-bandar di seluruh dunia sedang bersiap sedia untuk menghadapi impak yang akan datang dan telah mula melaksanakan rancangan penyesuaian. Maklum balas spesifik tempatan terhadap perubahan iklim adalah sangat penting kerana lokasi yang berbeza berhadapan dengan ancaman terdekat yang berbeza. Kawasan bandar Pulau Pinang berhadapan dengan dua ancaman utama: tegasan haba dan banjir akibat peningkatan hujan yang melampau.

Risiko tegasan haba ialah cabaran baharu yang telah dikenal pasti oleh Rangkaian Penyelidikan Perubahan Iklim Perkotaan (UCCRN) pada tahun 2018. Kawasan bandar di Pulau Pinang telah bertukar status daripada keadaan tidak berisiko mengalami tegasan haba pada tahun 2000 kepada terancam menjelang tahun 2050. Usaha untuk menangani perubahan iklim juga menjadi keutamaan kesihatan awam, seperti yang telah dikenal pasti oleh Jurnal Kesihatan Awam Asia Pasifik pada tahun 2016. Isu berkaitan kesamaan juga perlu ditangani, kerana kumpulan yang paling mudah terjejas dalam masyarakat akan menjadi kumpulan yang paling terdedah. Kematian berkait dengan faktor haba dalam kalangan warga emas (65+ tahun) dijangkakan akan meningkat kepada hampir 45 kematian bagi setiap 100,000 menjelang tahun 2080, dibandingkan dengan anggaran garis pangkal iaitu di bawah satu kematian bagi setiap 100,000 setiap tahun (1961-1990) di Malaysia. Bukan sahaja warga emas yang berisiko, malahan, kanak-kanak, pekerja luar, penghidap penyakit kronik, dan keluarga miskin yang tidak mampu menggunakan penyaman udara atau pengangkutan yang bersesuaian juga menghadapi risiko yang sama.

Sebaik saja dilaksanakan, projek Jaringan Hijau Pulau Pinang akan mengurangkan risiko yang berkait dengan dua impak utama yang diramalkan bagi negeri ini. Kelebihan utama mengenai rangkaian jaringan hijau biasanya dianggap untuk menggalakkan aliran pejalan kaki, rekreasi dan sukan, termasuk koridor dan habitat untuk hidupan liar yang akan mengurangkan ancaman kepada biodiversiti.

Impak pengurangan suhu permukaan akan dapat dirasai bukan sahaja di lokasi terdekat jaringan malahan keseluruhan kawasan bandar juga. Hal ini demikian kerana ia menggalakkan peredaran udara (juga mengurangkan pencemaran udara) dan menurunkan kesan pulau haba bandar. Penanaman secara strategik, termasuk pemilihan spesies pokok yang mencukupi dan menjajarkan penempatannya dengan koridor angin semula jadi dapat mengurangkan 1.5°C di keseluruhan kawasan bandar (6-8 tahun selepas pembinaan projek). Langkah ini membolehkan matlamat kita tercapai. Selain impak terhadap suhu keseluruhan, pengurangan sebanyak 5-7°C boleh dijangkakan dalam kawasan jaringan hijau, menjadikannya lokasi terbaik untuk rekreasi dan sukan.

Projek Jaringan Hijau juga akan mengurangkan banjir dengan ketara dengan mengguna pakai pendekatan bandar span. Bandar span ialah bandar yang direka untuk menyerap secara pasif, membersihkan dan menggunakan air hujan secara mesra ekologi, mengurangkan kedua-dua air larian hujan ribut yang tercemar dan pada tahap yang boleh mengakibatkan banjir. Pendekatan bandar span dapat mengurangkan air larian melalui cara pengurusan air yang mewujudkan kawasan yang berbeza dan saling bersambung bagi aliran pantas, aliran perlahan dan kawasan pembendungan/penyusupan. Koridor-eko ini akan merangkumi kawasan untuk penyusupan air, bioswale, serta kawasan pembendungan dan taman hujan ditetapkan secara strategik. Penggunaan penyelesaian berasaskan alam semula jadi untuk pengurusan air yang lebih banyak juga akan mengurangkan tekanan pada infrastruktur perparitan sedia ada dan mengutamakan faedah ekosistem.

Inisiatif awam-swasta yang berpotensi:

- Penggunaan taman kejiranan oleh korporat, PKS atau persatuan masyarakat
- Penyelidikan dan penyesuaian bahan penyucian sendiri bagi perabot landskap

PROJEK ASAS - TEMA B

KEMAJUAN PKS

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sering dianggap sebagai tulang belakang ekonomi Malaysia kerana secara kolektifnya ia menggunakan lebih daripada separuh tenaga kerja negara ini. Banci Ekonomi 2016 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah menunjukkan bahawa Pulau Pinang mempunyai sekurang-kurangnya 67,000 PKS, dan 16% daripadanya dimiliki oleh wanita.

Pada masa ini, di bawah Skim Pinjaman Harapan yang diuruskan oleh PDC, pinjaman tanpa faedah (maksimum RM5,000) dengan tempoh pembayaran balik sebanyak dua tahun sedang ditawarkan kepada usahawan kecil dan untuk menggalakkan penyertaan kumpulan berpendapatan paling rendah dalam perdagangan. Usaha ini dijangkakan dapat membanteras sebahagian besar kemiskinan di negeri ini.

Melangkah ke hadapan, skim pinjaman kredit mikro boleh dipelbagaikan untuk memenuhi kategori PKS yang berbeza. Meskipun, beberapa pinjaman boleh kekal tanpa faedah tetapi pinjaman lain juga kini boleh diubah skala menjadi pinjaman faedah rendah atau pinjaman yang disertai dengan geran sepadan hingga 50% daripada jumlah pelaburan yang diperlukan oleh PKS yang layak untuk melabur dalam pendigitan atau automasi.

Berdasarkan proses integrasi ekonomi di rantau ASEAN, peluang untuk PKS di Pulau Pinang yang sudah lama ditubuhkan dan berpengalaman, potensi untuk berkembang di negara jiran adalah amat tinggi.

Negeri dan agensinya, sebagai sebahagian program Pemerkasaan Rakyat, akan membantu untuk memberikan ilmu dan latihan kepada PKS yang ingin keluar meneroka melepasi sempadan negara kita.

Inisiatif awam-swasta yang berpotensi:

- Skim padanan pelaburan.
- Pelabur tidak formal.
- Perkongsian dengan institusi pengajian tinggi untuk mendapatkan bantuan dan ujian teknikal atau penyelidikan.

PROJEK ASAS - TEMA C

INDEKS KEBAHAGIAAN DI PULAU PINANG (KDP)

Kemajuan sesebuah negara selalunya diukur menggunakan keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan keluaran negara kasar (KNK). Oleh itu, pengaruh KDNK dan KNK adalah penting dalam menggubal polisi dan membuat keputusan. Tidak dapat disangkal, kedua-dua metrik merupakan petunjuk penting bagi kesihatan ekonomi sesebuah negara. Namun, kaedah ini adalah terhad bagi pengukuran kesejahteraan sosial. Oleh itu, pembangunan mapan perlu mengambil pendekatan menyeluruh terhadap definisi kemajuan dan memberikan kepentingan yang sama pada aspek kemakmuran bukan ekonomi.

Indeks kebahagiaan Pulau Pinang sedang dibina untuk memahami dan memastikan sama ada program dan polisi yang dibangunkan di bawah Penang2030 dapat menambah baik kebahagiaan umum dan kepuasan orang awam atau tidak. Proses pembangunan indeks kebahagiaan akan berpandukan matlamat Penang2030 untuk mencipta negeri hijau dan pintar yang berfokuskan keluarga, yang boleh menginspirasi negara.

Sebagai langkah pertama, empat indeks (KPEK) telah dipilih untuk mengukur kebahagiaan penduduk di Pulau Pinang. Indeks tersebut adalah seperti yang berikut:

- Indeks **K**ebebasan
- Indeks **P**emuliharaan persekitaran
- Indeks **E**konomi
- Indeks **K**emampuan hidup

Indeks ini berdasarkan empat tema utama bagi Penang2030: kemampuan hidup, ekonomi, pemeraksanaan masyarakat dan persekitaran; semua faktor ini diguna pakai sebagai tonggak utama indeks kebahagiaan.

Selaras dengan keempat-empat indeks ini, Institut Pulau Pinang telah menghasilkan 28 domain yang akan digunakan untuk menentukan dan menganalisis kebahagiaan penduduk Pulau Pinang; dan dalam setiap domain, 3-13 petunjuk telah dipilih.

Keempat-empat indeks dianggap sama pentingnya sebagai satu komponen indeks kebahagiaan. Objektif dan petunjuk kuantitatif yang boleh disukai diberikan wajaran yang lebih tinggi, sementara petunjuk laporan sendiri/subjektif diberikan wajaran yang lebih rendah.

Memandangkan Indeks Kebahagiaan di Pulau Pinang (KDP) adalah untuk mengukur kebahagiaan penduduk di Pulau Pinang, maka, input subjektif penduduk Pulau Pinang amat imperatif--dan diperlukan bagi kerelevanan dan ketepatannya. Juga sudah diputuskan bahawa tinjauan awam merupakan cara yang paling berkesan untuk memahami dan mempelajari pandangan penduduk Pulau Pinang. Cara ini juga paling berkesan untuk mengukur kebahagiaan kalangan penduduk di Pulau Pinang dan untuk mengukur tahap penerimaan mereka terhadap program dan polisi yang dibangunkan di bawah Penang2030.

Soalan-soalan tinjauan akan disediakan dengan memastikan bahawa semua petunjuk diliputi, dan diberikan kepentingan yang sama rata untuk mengelakkan berat sebelah dalam kajian.

Indeks Kebebasan/Pemeriksaan	Indeks Pemuliharaan Alam Sekitar
- Kebebasan politik - Penyertaan masyarakat dan awam - Kebebasan beragama/budaya/rohani - Kebebasan bersuara - Hak asasi manusia	- Pemeliharaan alam sekitar & biodiversiti - Garis pinggir laut - Bekalan air - Bukit-bukit - Pokok-pokok - Kawasan hijau - Kualiti udara - Pelepasan gas karbon - Isu pembandaran (kualiti kehidupan bandar)
Indeks Ekonomi	Indeks Kemampuan Hidup
- Pendapatan - Keluarga - Peribadi - Jaminan kewangan - Pemilikan rumah (aset) - Peluang pekerjaan - Gaji/upah - Ketidaksamaan - Jantina - Etnik - Mobiliti sosial (antara anak dan ibu bapa) - Mobiliti segenerasi - Peribadi - Perkembangan kerjaya - Pertumbuhan sendiri - Kepuasan gaji	- Perumahan mampu milik - Kesejahteraan masyarakat - Interaksi masyarakat (keluarga, rakan, jiran) - Keselamatan (lelaki, perempuan, kanak-kanak) - Pemuliharaan warisan - Pembangunan lestari - Kebersihan - Pengangkutan (hubungan bandar) - Kos sara hidup - Taraf hidup - Ketersambungan digital (capaian internet) - Kesihatan - Diet/latihan jasmani - Kesihatan mental - Kesihatan umum - Bantuan perubatan yang diperlukan - Jangka hayat - Kecacatan - Kemudahan penjagaan kesihatan

Inisiatif awam-swasta yang berpotensi:

- Responden kajian sukarela bagi sampel terkawal
- Platform perkongsian data terbuka sukarela sebagai penyumbang kepada Indeks Kebahagiaan di Pulau Pinang

PROJEK ASAS - TEMA D

PULAU PINANG DIGITAL

Pelan Induk Transformasi Digital Pulau Pinang membayangkan Pulau Pinang yang didayakan secara Digital; negeri Pulau Pinang yang mempunyai persekitaran yang menyokong penggunaan teknologi digital yang luas dan menyeluruh. Pelan ini mengenal pasti lima tonggak penting untuk mencapai visi ini; merangkumi strategi luas yang mengenal pasti pemegang taruh mengikut keperluan khusus mereka. Kelima-lima tonggak ini akan melihat masa hadapan Pulau Pinang yang didasari oleh gaya hidup moden secara digital. Perkara ini termasuklah pekerjaan yang lebih produktif meskipun waktu pekerjaan dikurangkan dan bayaran upah yang lebih tinggi; industri baharu yang memandang ke hadapan; dan pengalaman gaya hidup urban peribadi yang hanya boleh berlaku melalui teknologi digital.

Tiga prinsip panduan yang digunakan untuk mentakrifkan ruang dasar pelan ini:

- (1) **Sinergi:** Memanfaatkan inisiatif sedia ada dan menyelaraskannya ke arah matlamat bersatu
- (2) **Mudah Suai:** Menyediakan ruang yang ada untuk bergerak dan menyesuikannya dalam lingkungan lima tonggak asas
- (3) **Kekangan:** Mengakui kekangan sumber dan mandat untuk mengatasinya

Lima tonggak telah dikenal pasti sebagai blok binaan yang penting untuk mencapai visi ini:

- (1) **Masyarakat Inovatif:** Individu yang suka mengambil tahu, pelajar yang aktif belajar dan bersemangat untuk menyelesaikan masalah
- (2) **Tenaga Kerja Mesra Digital:** Tenaga kerja yang dilengkapi dengan kemahiran yang relevan untuk merealisasikan visi digital Pulau Pinang
- (3) **Perniagaan Yang Menggunakan Digital:** Perniagaan yang menggunakan dan membangunkan teknologi digital baharu untuk memperoleh pengeluaran
- (4) **Infrastruktur Yang Mengupayakan secara Digital:** Sambungan internet yang pantas, boleh dipercayai dan selamat; dan kluster industri baharu
- (5) **Kerajaan Yang Disokong Digital:** Kerajaan digital yang bertujuan menyampaikan nilai awam yang lebih tinggi

Kelima-lima tonggak ini dapat menunjukkan masa hadapan Pulau Pinang yang didasari oleh gaya hidup moden secara digital yang merangkumi:

- (1) Pekerjaan yang mempunyai produktiviti yang tinggi dengan waktu bekerja yang berkurangan dan mendapat upah yang lebih tinggi
- (2) Industri nilai tambah yang tinggi dan baharu yang berada di barisan hadapan teknologi
- (3) Pengalaman gaya hidup urban peribadi yang hanya boleh berlaku melalui teknologi digital

Sejajar dengan pelan ini, unit pelarasan dengan nama Pulau Pinang Digital akan ditubuhkan sebagai platform pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan pengupayaan ekonomi melalui teknologi digital menjadi kenyataan di Pulau Pinang.

Inisiatif awam-swasta yang berpotensi:

- Meningkatkan kerjasama yang erat antara industri dengan sektor pendidikan untuk memberikan kemahiran dan memberikan laluan kerjaya yang menarik kepada bakat muda
- Program Latihan semula untuk kemajuan kerjaya

EPILOG

Pulau Pinang dan keperluan global yang lebih besar

Agenda 2030 Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pembangunan Lestari

Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari yang diguna pakai oleh semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 2015 menyediakan satu rangka tindakan bersama untuk keamanan dan kemakmuran manusia dan bumi, kini dan masa hadapan. Matlamat dan sasaran yang dikongsikan/diguna pakai oleh kerajaan Pulau Pinang dengan kerjasama Habitat UN akan mendorong tindakan pada lima belas tahun akan datang dalam bidang yang amat penting bagi manusia dan bumi:

Manusia

Kami bertekad untuk menamatkan kemiskinan dan kelaparan, dalam semua bentuk dan dimensi, serta memastikan semua masyarakat boleh memenuhi potensi mereka dari segi kemuliaan dan kesamaan dalam persekitaran yang sihat.

Bumi

Kami bertekad untuk melindungi bumi daripada kemerosotan, termasuklah melalui penggunaan dan pengeluaran lestari, menguruskan sumber semula jadi secara lestari dan mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim, agar bumi ini boleh menampung kehendak generasi masa ini dan masa hadapan.

Kemakmuran

Kami bertekad untuk memastikan bahawa semua masyarakat boleh menikmati kehidupan yang makmur dan bermakna, dan ekonomi, sosial serta teknologi bergerak maju secara harmoni dengan alam semula jadi.

Keamanan

Kami bertekad untuk mewujudkan masyarakat yang aman, saksama dan menyeluruh yang bebas daripada ketakutan dan keganasan. Pembangunan lestari tidak mungkin berlaku tanpa keamanan, dan keamanan tidak akan wujud tanpa pembangunan lestari.

Kerjasama

Kami bertekad untuk menggerakkan apa juga cara yang diperlukan bagi melaksanakan Agenda ini melalui Kerjasama Antarabangsa yang digiatkan semula demi Pembangunan Lestari, berdasarkan semangat perpaduan antarabangsa yang kukuh, tertumpu terutamanya pada keperluan orang miskin dan paling terjejas dengan penglibatan semua negara, pemegang taruh dan semua manusia.

Hubungan dan sifat bersepadu Matlamat Pembangunan Lestari amat penting untuk memastikan sasaran agenda baharu ini dicapai. Jika kita melaksanakan cita-cita kita sepenuhnya berpandukan Agenda ini, kehidupan semua masyarakat akan bertambah maju dan dunia kita akan berubah menjadi lebih baik.

17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) merupakan nadi Agenda 2030. Agenda ini merupakan rancangan terbaik dunia untuk mewujudkan dunia yang lebih baik untuk manusia dan bumi kita menjelang tahun 2030. SDG merupakan seruan agar semua negara mengambil tindakan -- miskin, kaya dan berpendapatan sederhana – untuk mengalakkan kemakmuran sambil melindungi alam sekitar. Cadangan ini mengakui bahawa usaha menamatkan kemiskinan mesti selari dengan strategi yang membina pertumbuhan ekonomi dan menangani pelbagai keperluan sosial termasuklah pendidikan, kesihatan, kesamaan dan peluang pekerjaan, sambil menangani perubahan iklim dan berusaha untuk memelihara laut dan hutan kita.

Sumber: <https://sustainabledevelopment.un.org/sdgs>

Piramid Kebahagiaan SDG





Laman Sesawang
www.penang2030.com

E-mel
secretariat@penang2030.com

Edisi Pertama, 2019.
Hakmilik © Penang2030 Unit, 2019.
Hak cipta terpelihara.

